

## Sorotan Literatur Bersistematik: Kesan Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif Terhadap Tabiat Membaca

*(Systematic Literature Review: The Impact of Extensive Reading Teaching Method on Reading Habits)*

Azizah Arsad<sup>1\*</sup> , Dahlia Janan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: [zahqila@yahoo.com](mailto:zahqila@yahoo.com)

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: [dahlia@fbk.upsi.edu.my](mailto:dahlia@fbk.upsi.edu.my)

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Azizah Arsad  
([zahqila@yahoo.com](mailto:zahqila@yahoo.com))

#### KATA KUNCI:

Kaedah mengajar  
Bacaan ekstensif  
Minat  
Tabiat (amalan)  
Tinjauan literatur

#### KEYWORDS:

Teaching methods  
Extensive reading  
Interest  
Habits  
Literature review

#### CITATION:

Azizah Arsad & Dahlia Janan. (2022). Sorotan Literatur Bersistematik: Kesan Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif Terhadap Tabiat Membaca. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001665. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1665>

Membaca merupakan kemahiran asas dalam proses pembelajaran. Penguasaan kemahiran membaca membantu seseorang meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang. Cabang kepada kemahiran membaca ialah membaca secara ekstensif. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam mengaplikasikan bacaan ekstensif. Tiga persoalan kajian ialah apakah kaedah atau teknik yang digunakan untuk aktiviti bacaan ekstensif, adakah kaedah mengajar yang digunakan dapat mempengaruhi tabiat membaca dan apakah kesan positif daripada tabiat membaca melalui aktiviti bacaan ekstensif. Dua enjin carian digunakan iaitu Scopus dan Education Resources Information Centre (ERIC). Sejumlah 2292 artikel telah dikenal pasti dan saringan telah dilakukan mengikut kriteria kajian dengan mengambil kira tempoh masa dari tahun 2010 hingga 2021. 10 artikel berkaitan kaedah mengajar bacaan ekstensif telah dipilih melalui proses saringan menggunakan Model PRISMA 2020. Dapatan kajian menunjukkan penyelidik lebih berminat untuk melaksanakan kajian menggunakan kaedah campuran iaitu gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah eksperimen merupakan kaedah paling popular digunakan untuk menilai keberkesanan program bacaan ekstensif yang dijalankan. Kaedah membaca berbantuan komputer dan alat teknologi juga menjadi pilihan penyelidik kerana mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati kebanyakan kajian mengenai bacaan ekstensif yang dijalankan dalam tempoh 11 tahun ini dilaksanakan di Benua Asia. Ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan penguasaan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris. Hasil kajian juga menunjukkan kaedah bacaan ekstensif menimbulkan banyak kesan positif. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh

dijadikan panduan dalam melaksanakan program bacaan ekstensif di semua peringkat pelaksanaan.

### ABSTRACT

Reading is a basic skill in the learning process. Mastering reading skills helps a person increase knowledge in various fields. A branches of reading skills is extensive reading. The perpose of this study is to review the methods use bt researchers in applying extensive reading. The three research questions are: what methods or techniques are used for extensive reading activities, can the teaching method used affect reading habits and whatare the positive affect of reading habits through of extensive reading activities. Two search engines are use, namely Scopus and Education Resources Information Centre (ERIC). A total of 2292 articles hane been identified and screening has been done according to the study criteria taking account the time period form 2010 to 2021. Ten articles related to the method of teacing extensive reading have been selected through a screening process using the PRISMA 2020 Model. The results of the study show that reasearchers are more interested in carrying out the study using a mixed method that is combination of qualitative and quantitative. The experimental merhod used to evaluate the effectiveness of extensive reading programs. In addition, the findings of the study also found that most of the studies on extensive reading conducted in this 11-year period were carried out on the Asian continent. This shows a high level of awareness of the importance of mastering the second language, which is English. The results of the study also show that the extensive reading method has many positive effects. Therefore, the finding of this study can be uses as a guide in implementing extencive reading at all levels of implementation.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini dapat membantu penyelidik menggunakan kaedah yang sesuai ketika menjalankan kajian terhadap program membaca secara ekstensif. Selain itu, pemilihan kaedah kajian secara campuran lebih berkesan di samping penggunaan instrumen yang berbeza mengikut kesesuaian kajian. Penyelidik boleh menggunakan hasil kajian ini dalam merancang kajian akan datang.

## 1. Pengenalan

Membaca merupakan kemahiran asas yang mesti dikuasai kerana kemahiran ini sangat penting dalam mengembangkan ekonomi individu seterusnya membangunkan sesebuah negara (UNESCO, 2019). Salah satu cabang kemahiran membaca diperoleh melalui kegiatan membaca secara ekstensif. Bacaan esktensif merupakan salah satu kaedah membaca yang dilakukan dengan tujuan untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran (Aliyah et al., 2015). Selain itu, membaca secara ekstensif juga bermaksud membaca dengan tujuan untuk mendapatkan keseronokan, membaca bahan yang dipilih sendiri, secara suka rela, melibatkan pelbagai jenis bahan bacaan secara percuma (Ng et al., 2019), membaca sejumlah besar bahan bacaan dengan tujuan memperoleh keseronokan dan juga kerana minat (Hafiz & Tudor, 1989). Membaca secara ekstensif mesti dilakukan dalam kuantiti yang maksima (Hafiz & Tudor, 1989) serta mempunyai

ciri-ciri kelajuan membaca, bahan bacaan yang baik serta berupaya menarik minat murid untuk melaksanakan kegiatan tersebut (Hill, 1992). Kemahiran ini merupakan asas kepada proses pembelajaran dalam kehidupan manusia (Hortiales et al., 2017). Namun demikian, masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah merupakan salah satu isu yang sering kali diperbahas dalam bidang pendidikan di Malaysia (Adenan, 2017). Kemahiran ini perlu dikuasai oleh murid kerana menjadi asas untuk memperoleh pengetahuan baharu (Anis Farhana, 2019).

Secara rasional, kajian ini sangat penting untuk melihat kaedah mengajar yang paling efektif dalam memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Ini adalah kerana aktiviti membaca secara ekstensif berupaya mengembangkan kemahiran berbahasa dalam bahasa pertama serta mempertingkatkan penguasaan bahasa kedua (Yen, 2018). Hill (1992) mengatakan bahawa pembaca akan mengaplikasikan kemahiran membaca secara intensif di mana pembaca akan menggunakan kemahiran membaca secara *skimming* dan *scanning* semasa melaksanakan bacaan ekstensif. Tiga syarat penting yang perlu diberi penekanan dalam pelaksanaan bacaan secara ekstensif ialah strategi yang dipilih dan digunakan oleh guru, latihan dan aktiviti yang diberikan kepada murid serta kepelbagaian sumber yang melibatkan masa, ruang dan peralatan (Iqbal & Komal, 2017). Oleh yang demikian, kegiatan membaca ekstensif memerlukan perancangan jangka panjang dalam bentuk program yang dijalankan dalam sesuatu bahasa yang mudah difahami walaupun kesan pelaksanaannya sukar diukur (Dickinson & Nakayama, 2013). Perancangan yang sesuai dapat membantu merancang kegiatan membaca kerana perlakuan membaca secara ekstensif memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk amalan membaca (Aliyah et al., 2015).

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai dan mengenal pasti kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai dalam pelaksanaan pengajaran bacaan ekstensif di sekolah. Justeru itu, penyelidikan berkaitan sorotan literatur sistematik ini dijangka berupaya menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah kaedah atau teknik yang digunakan untuk aktiviti bacaan ekstensif?
- ii. Adakah kaedah mengajar yang digunakan dapat mempengaruhi tabiat membaca?
- iii. Apakah kesan positif daripada tabiat membaca terhadap peserta kajian?

## 2. Sorotan Literatur

Kajian tinjauan literatur sistematik melibatkan pengetahuan dalam berbagai-bagai bidang kerana penyelidikan demi penyelidikan pada masa hadapan dapat diperbaiki berdasarkan dapatan kajian ini (Page et al., 2021). Kajian tinjauan literatur sistematik ini juga merupakan asas penciptaan pengetahuan baharu yang membolehkan penyelidik mengetahui hasil kajian, memahami pengetahuan secara terperinci dan mengenal pasti jurang penyelidikan seterusnya (Hayrol Azril et al., 2020). Selain itu, kajian literatur bersistematik ini juga bertujuan untuk mencari dan mensintesis maklumat melalui penyelidikan yang dijalankan dengan menggunakan prosedur yang tersusun, telus dan boleh ditiru melalui langkah yang dijalankan (Higgins et al., 2011).

Kajian tinjauan literatur sistematik dalam menilai kaedah mengajar bacaan ekstensif yang berupaya memupuk tabiat membaca ini melibatkan lima fasa seperti yang diterangkan oleh Khan et al. (2003). Langkah pertama ialah penyelidik akan menetapkan persoalan kajian untuk menentukan masalah yang ingin dikaji. Persoalan kajian mestilah jelas. Langkah kedua adalah memastikan kajian relevan dan mempunyai bukti yang sah

sebelum melalui proses tapisan berdasarkan kriteria yang dikehendaki serta melalui carian yang luas daripada pelbagai sumber. Langkah ketiga adalah menilai kualiti kajian dari aspek metodologi kajian sama ada kajian tersebut diterima atau ditolak. Langkah keempat adalah menghasilkan rumusan berdasarkan bukti-bukti yang telah dikumpulkan. Langkah kelima merupakan proses mentafsir dapatan kajian. Model PRISMA akan digunakan dalam kajian ini bagi memastikan kajian adalah pada tahap kualiti dan melalui proses yang teliti (Page et al., 2021).

Persoalan kajian yang dipilih adalah berdasarkan kepada pandangan Kitchenham (2007) yang mengatakan bahawa penyelidik mengalami kesukaran untuk mengkaji keseluruhan artikel berkaitan bacaan ekstensif. Oleh itu, penyelidik perlu menentukan jangka masa atau tempoh memilih artikel untuk dikaji berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh (Okoli & Schabram, 2012). Dalam kajian ini, penyelidik memilih tempoh kajian bermula tahun 2000 hingga 2021 dengan menggunakan dua enjin carian dalam pangkalan data iaitu "Scopus" dan "ERIC". Pemilihan dua pangkalan data utama iaitu Scopus dan ERIC adalah kerana kedua-dua pangkalan data ini mempunyai kemampuan untuk menyediakan data yang diperlukan. Selain itu, pangkalan data Scopus sangat stabil kerana memiliki kelebihan dari segi fungsi carian serta mempunyai artikel yang berkualiti (Martín-Martín et al., 2018).

Dalam kajian ini, saringan telah dilakukan terhadap 2292 artikel yang dipilih menurut kriteria pemilihan secara automatik daripada pangkalan data. Penyelidik telah menggunakan kata kunci yang lebih khusus iaitu "*extensive reading*" bagi mengkhususkan pencarian dalam pangkalan data. Pemilihan kata kunci ini adalah mengikut saranan Okoli (2015) yang mengatakan bahawa pemilihan kata kunci adalah bergantung kepada kata kunci yang telah digunakan sebelum ini, kata kunci yang dicadangkan oleh Scopus serta kata kunci yang dicadangkan oleh pakar.

Setelah itu, penyelidik akan memastikan semua artikel yang telah disaring bersesuaian dengan kriteria yang dipilih. Proses pencarian artikel dalam pangkalan data yang dipilih setelah disaring berdasarkan kata kunci "*habits*" adalah sebanyak 218 artikel. Saringan seterusnya menggunakan kata kunci "*teaching methods*" membawa kepada 27 artikel. 27 artikel ini ditelaah oleh penyelidik untuk menentukan artikel yang paling sesuai untuk menilai kaedah mengajar bacaan ekstensif ke arah memupuk minat membaca. Proses ini akan dilakukan dengan membaca tajuk dan abstrak artikel. Penyelidik telah mengecualikan 17 artikel kerana tidak menepati kriteria yang hendak dikaji serta tidak menjawab persoalan kajian. Antara artikel yang dikecualikan adalah artikel yang mengulas serta membuat perbincangan mengenai bacaan ekstensif iaitu sebanyak 5 artikel. Sejumlah satu artikel untuk setiap satu perkara dikeluarkan kerana artikel tersebut memfokuskan minat penyelidik terhadap bacaan ekstensif, melibatkan garis panduan pelaksanaan bacaan ekstensif, kajian berkaitan literatur sejak 1998-2021, kajian berkaitan perancangan praktikal guru bahasa Inggeris, kajian penggunaan model untuk merancang kursus latihan guru, penulis yang sama, kajian kemahiran menulis berkaitan kemahiran berfikir, kajian perbendaharaan kata, kajian pembacaan atas talian dalam kalangan pelajar antarabangsa serta kajian yang memberi tumpuan terhadap pemahaman membaca. Hasilnya saringan tersebut, penyelidik memilih 10 artikel untuk tujuan menilai kaedah mengajar bacaan ekstensif yang telah dijalankan serta peranan kaedah tersebut ke arah memupuk minat membaca. Artikel tersebut dijangka dapat menjawab objektif kajian ini seperti berikut:


- i. Mengetahui kaedah dan teknik yang digunakan untuk mengaplikasikan bacaan ekstensif.

- ii. Mengenal pasti kaitan kaedah dan teknik yang paling efektif digunakan dalam memupuk amalan membaca.
- iii. Mengenal pasti kesan positif yang terhasil daripada amalan membaca.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan gabungan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif. Penyelidik memulakan analisa dengan membaca 10 artikel di bahagian abstrak, hasil kajian dan perbincangan. Proses analisis secara tematik adalah dengan mengenal pasti tema dan sub-tema, kelompok, perbandingan serta hubungan yang wujud dalam abstrak. Proses ini merupakan kaedah yang sangat berguna dan fleksibel dalam penyelidikan kualitatif terutama dalam bidang psikologi (Braun & Clarke, 2006). Langkah pertama adalah menghasilkan tema. Penyelidik perlu memastikan ketepatan tema dan menamakan tema dan untuk setiap kumpulan. Seterusnya, penyelidik menggunakan perisian ATLAS-ti 9 untuk menjalankan analisis secara tematik. Saringan artikel berdasarkan model PRISMA adalah seperti Rajah 1.

Rajah 1: Carta Alir Proses Sorotan Literatur Bersistematik Berdasarkan Model PRISMA



Berdasarkan saringan yang telah dilakukan oleh penyelidik, sejumlah 10 artikel yang telah dipilih. Penyelidik menggunakan analisa secara tematik menggunakan ATLAS-ti 9. Penggunaan aplikasi ATLAS-ti 9 dapat menyokong teks kajian (Khairul Asyraf et al., 2019). Tujuh tema akan dikembangkan dalam kajian ini iaitu negara kajian dijalankan, reka bentuk kajian, instrumen yang digunakan dalam kajian, kaedah mengajar bacaan ekstensif di negara tersebut, populasi dan sampel kajian, kesan kaedah kajian terhadap amalan membaca dan kebaikan yang diperolehi hasil daripada amalan membaca berdasarkan kajian yang dijalankan. Dapatan kajian juga dinilai menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan peratus bagi sebahagian tema yang telah dikembangkan.


#### 4. Hasil Kajian

Hasil kajian diperincikan seperti berikut:

##### 4.1. Negara Kajian

Terdapat sepuluh buah negara yang melaksanakan kajian berkaitan bacaan esktensif yang memberikan kesan terhadap amalan membaca. Berdasarkan Rajah 2, Jepun melaksanakan dua kajian yang dijalankan oleh Mikami (2013) dan Ramonda (2020). Terdapat satu kajian dijalankan di Amerika Syarikat, Indonesia, China, Bangladesh, Taiwan, Pakistan dan Afrika Selatan. Sembilan kajian mewakili 90% daripada keseluruhan kajian dijalankan di Asia Tenggara sementara satu kajian mewakili 10% dijalankan di Amerika Syarikat. Senarai negara serta penyelidik yang menjalankan kajian ditunjukkan seperti berikut:

Rajah 2: Negara Kajian Dijalankan



## 4.2. Reka Bentuk dan Instrumen Kajian

Reka bentuk kajian ini ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Reka Bentuk Kajian

Penyelidik	Kualitatif	Kuantitatif	Gabungan
Haider dan Akhter (2012)		X	
Mikami (2013)	X		
Rodrigo et al. (2014)		X	
Tien (2015)			X
Sun et al. (2016)			X
Iqbal dan Komal (2017)			X
Boakye (2017)			X
Ramonda (2020)			X
Sofiana dan Mubarak (2020)		X	
Rajabpour (2020)			X

Reka bentuk kajian telah dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu bagi mendapatkan jumlah peratusan. Hasilnya, sebanyak satu kajian menggunakan pendekatan kualitatif iaitu sebanyak 10%. Tiga kajian menggunakan kuantitatif iaitu 30% dan enam kajian menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif yang menyumbang kepada 60% keseluruhan kajian. Jumlah ini menjadikan reka bentuk kajian gabungan paling tinggi dalam analisis literatur bersistematik ini. Reka bentuk kajian kualitatif yang dijalankan menggunakan kajian kes iaitu dijalankan oleh [Mikami \(2013\)](#) di Jepun untuk mengkaji tahap motivasi melalui penetapan matlamat dalam bacaan ekstensif. Satu reka bentuk kajian gabungan kualitatif dan kuantitatif pula menggunakan teori mendasar (*Grounded Theory*) iaitu kajian yang dijalankan oleh [Sun et al. \(2016\)](#) manakala lima lagi kajian reka bentuk gabungan menggunakan kajian kes (*case study*) yang dijalankan oleh [Tien \(2015\)](#), [Iqbal dan Komal \(2017\)](#), [Boakye \(2017\)](#), [Ramonda \(2020\)](#) dan [Rajabpour \(2020\)](#). Reka bentuk kajian serta instrumen kajian yang digunakan ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) dan [Jadual 2](#).

Jadual 2: Kaedah dan Instrumen Kajian

Penyelidik	Temu bual	Soal selidik	Dokumen	Ujian	Catatan Lapangan	Rekod Kendiri	Komen bertulis
Haider dan Akhter (2012)		X					
Mikami (2013)	X					X	
Rodrigo et al. (2014)		X			X		
Tien (2015)	X	X		X			X
Sun et al. (2016)	X		X	X			
Iqbal dan Komal (2017)	X	X	X	X			
Boakye (2017)	X	X		X			
Ramonda (2020)		X		X			X
Sofiana dan Mubarak (2020)		X		X			
Rajabpour (2020)		X	X	X			X

### 4.3. Peserta Kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian bacaan ekstensif ini terdiri daripada pelbagai kumpulan. Antaranya ialah guru, guru pelatih, pelajar universiti awam dan swasta, pelajar sekolah rendah dan menengah serta golongan dewasa yang mempunyai kemahiran membaca yang rendah. Jumlah peserta yang terlibat dalam kajian membaca secara ekstensif ditunjukkan seperti [Jadual 3](#).

Jadual 3: Peserta Kajian

Penyelidik	Jumlah Peserta	Peserta Kajian
<a href="#">Haider dan Akhter (2012)</a>	100	Guru pelatih bahasa Inggeris Pelajar sekolah menengah
<a href="#">Mikami (2013)</a>	23	Pelajar universiti swasta
<a href="#">Rodrigo et al. (2014)</a>	181	Orang dewasa (tahap membaca rendah: 3-5.9)
<a href="#">Tien (2015)</a>	36	Pengajar (tetap dan sambilan)
<a href="#">Sun et al. (2016)</a>	5711	Pelajar universiti (93 kelas)
<a href="#">Sun et al. (2016)</a>	39	Pelajar sekolah rendah (purata usia 10.5 tahun) (19 lelaki, 20 perempuan)
<a href="#">Iqbal dan Komal (2017)</a>	100	Pelajar sekolah rendah (12-15tahun) (50 lelaki, 50 perempuan)
<a href="#">Boakye (2017)</a>	24	Guru bahasa, 4 guru besar
<a href="#">Boakye (2017)</a>	36	Pelajar tahun pertama universiti
<a href="#">Ramonda (2020)</a>	137	Pelajar universiti
<a href="#">Sofiana dan Mubarak (2020)</a>	119	Pelajar universiti
<a href="#">Rajabpour (2020)</a>	744	Pelajar sarjana atau asasi

### 4.4. Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif

Berikut merupakan kaedah mengajar bacaan ekstensif berdasarkan sorotan literature bersistematik.

Jadual 4: Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif

Penyelidik	Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif	Catatan
<a href="#">Haider dan Akhter (2012)</a>	Kaedah Penyelidikan Empirikal/eksperimen	Program Membaca Buku (Boi Pora Kormosuchi)
<a href="#">Mikami (2013)</a>	Kaedah Menetapkan Matlamat	
<a href="#">Rodrigo et al. (2014)</a>	Pedagogi/Instruksional	
<a href="#">Tien (2015)</a>	Kaedah Terjemahan Tatabahasa	Projek Tapak Penyelidikan
<a href="#">Sun et al. (2016)</a>	Eksperimen	Penulisan (berbantuan komputer)
<a href="#">Iqbal dan Komal (2017)</a>	Kaedah Perpustakaan	Buku, Majalah
<a href="#">Boakye (2017)</a>	Interversi (Pengajaran kognitif/ afektif)	Kolaborasi
<a href="#">Ramonda (2020)</a>	Bacaan senyap berterusan	Kuiz atas talian @ (M)Reader
<a href="#">Sofiana dan Mubarak (2020)</a>	Kaedah Eksperimen	Aplikasi mudah alih berasaskan permainan, berpusatkan pelajar

Rajabpour (2020)

Kaedah Penyelidikan  
Empirikal/eksperimen*Moodle (M)Reader*  
Bacaan atas talian

Terdapat beberapa kaedah mengajar bacaan ekstensif yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah kaedah penyelidikan eksperimen, kaedah instruksional, kaedah terjemahan, kaedah perpustakaan, kaedah pengajaran kognitif atau efektif dan bacaan senyap. 40% daripada jumlah keseluruhan kajian tersebut menggunakan kuasi eksperimen sementara kaedah lain menyumbang sebanyak 10% setiap jenis kajian. Trend pengajaran bacaan ekstensif dalam tempoh 11 tahun dilihat lebih tertumpu kepada pembacaan dalam talian serta pembacaan dengan menggunakan berbantuan komputer, teknologi dan internet. Penggunaan aplikasi dalam talian seperti MReader dalam kajian Ramonda (2020) dan Rajabpour (2020) juga dilihat menyumbang kepada perkembangan bacaan atas talian. Pembacaan secara atas talian ini adalah sejajar dengan keperluan era Revolusi Industri 5.0 di mana pemilihan teknologi dan perisian sebagai alat bantu dalam proses kajian digunakan untuk menjadikan kajian tersebut lebih sistematik dan efektif (Khairul Asyraf et al., 2019). Senarai kaedah mengajar yang digunakan dalam kajian boleh dilihat dalam Jadual 4 sementara peratusan kaedah kajian yang dipilih oleh pengkaji ditunjukkan dalam Jadual 5. Selain kaedah mengajar yang sesuai, aktiviti membaca juga perlu diatur dan dirancang dengan teliti supaya menarik dan kreatif. Aktiviti yang menarik perhatian boleh dijadikan sebagai dorongan membaca serta pembelajaran melalui pengalaman yang dapat membantu mengembangkan tabiat membaca sebagai amalan (Netwong, 2018).

Jadual 5: Peratus Kaedah Mengajar yang Dipilih oleh Pengkaji.

Kaedah	n	%
Kuasi Eksperimen	4	40
Lain-lain kajian	6	10% setiap kajian

#### 4.5. Kesan Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif Terhadap Amalan Membaca

Dalam kajian ini, didapati kaedah membaca yang digunakan oleh penyelidik berjaya memupuk amalan membaca dalam kalangan peserta kajian. Amalan atau tabiat membaca boleh dibina (Jeon & Day, 2015). Amalan membaca juga dapat dinilai melalui jumlah pembaca, kekerapan membaca, di mana bacaan dilakukan dan apakah bahan yang digunakan untuk membaca (Rosli et al., 2018). Justeru, amalan membaca boleh dipupuk menggunakan pelbagai kaedah dan strategi yang berlainan kerana timbul daripada minat yang mengakibatkan perubahan tingkah laku. Usaha ini memerlukan guru mengadaptasi kaedah mengajar yang sesuai untuk membentuk sikap, minat, kebolehan dan tujuan pelajar membaca (Schmidt, 2007). Perubahan tingkah laku tersebut menimbulkan keseronokan dan berupaya memotivasikan seseorang serta menanam keinginan untuk terus melaksanakan aktiviti membaca. Hasil dapatan kajian yang menunjukkan kesan positif terhadap amalan dan tabiat membaca dapat dilihat melalui Jadual 6.

Jadual 6: Kesan Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif Terhadap Amalan Membaca

Penyelidik	Amalan Membaca/Minat/Sikap/ Keseronokan
Haider dan Akhter (2012)	X
Mikami (2013)	X
Rodrigo et al. (2014)	X
Tien (2015)	X
Sun et al. (2016)	X

Iqbal dan Komal (2017)	X
Boakye (2017)	X
Ramonda (2020)	X
Sofiana dan Mubarok (2020)	X
Rajabpour (2020)	X

---

#### 4.6. Kesan Positif daripada Amalan Membaca Secara Ekstensif

Terdapat banyak kesan positif hasil daripada amalan membaca secara ekstensif yang dibuktikan melalui kajian-kajian yang telah dijalankan. Kesemua kajian yang dianalisa menunjukkan kesan positif terhadap kognitif kerana individu yang mengamalkan bacaan secara ekstensif ialah dari segi kognitif iaitu dapat meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang diterokai (Jeon & Day, 2016). Selain itu, amalan bacaan ekstensif juga berupaya meningkatkan pencapaian peribadi pembaca dalam peperiksaan seperti kajian yang dijalankan oleh Haider dan Akhter (2012), Sun et al. (2016), Boakye (2017) dan Rajabpour (2020). Semua kajian yang dijalankan juga dapat memupuk motivasi dan keyakinan diri seseorang serta berupaya meningkatkan kemahiran menulis (Mermelstein, 2014). Penguasaan bahasa, perkembangan literasi dan kelajuan membaca juga dapat dipertingkatkan (Bell, 2001). Oleh yang demikian, pembaca akan memperoleh pemahaman dalam membaca, menambah kemahiran berbahasa sama ada dalam bahasa pertama atau kedua serta memupuk kreativiti. Kesan positif hasil daripada membaca secara ekstensif ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Kesan Positif daripada Amalan Membaca

Penyelidik	Kesan Positif										
	Kognitif	Peningkatan dalam peperiksaan	Motivasi	Memberbaiki penulisan	Penguasaan bahasa	Perkembangan Literasi	Kelajuan Membaca	Pemahaman Membaca	Kemahiran Berbahasa	Peningkatan dalam bahasa kedua	Kreativiti
Haider dan Akhter (2012)	X	X	X	X							X
Mikami (2013)	X		X								
Rodrigo et al. (2014)	X		X		X	X					
Tien (2015)	X		X	X	X	X	X	X	X	X	X
Sun et al. (2016)	X	X	X	X	X		X	X			X
Iqbal dan Komal (2017)	X		X	X				X	X		
Boakye (2017)	X	X	X				X	X	X		
Ramonda (2020)	X		X								
Sofiana dan Mubarak (2020)	X		X	X	X			X	X		X
Rajabpour (2020)	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X

## 5. Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai tujuh tema yang telah dibina menggunakan aplikasi ATLAS-ti 9. Tinjauan yang dijalankan mendapati kajian mengenai kaedah mengajar bacaan ekstensif ke arah memupuk minat dan amalan membaca di dunia lebih bertumpu kepada negara-negara di rantau Asia Tenggara. Antara negara Asia tersebut ialah Bangladesh, Jepun, Taiwan, China, Pakistan, Afrika Selatan, Indonesia dan Oman. Hanya satu kajian sahaja dari Benua Amerika Utara iaitu Amerika Syarikat. Jumlah sembilan daripada 10 kajian dari negara Asia membuktikan kesedaran tentang pentingnya kaedah membaca secara ekstensif dalam memupuk minat membaca.

Reka bentuk kajian yang dijalankan lebih kepada kaedah campuran kerana gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif dapat memberikan hasil dapatan yang empirikal (Richey & Klein, 2010). Enam kajian gabungan kualitatif dilaksanakan oleh Tien (2015), Sun et al. (2016), Iqbal dan Komal (2017), Boakye (2017), Ramonda (2020) dan Rajabpour (2020). Instrumen kajian yang paling banyak digunakan merupakan gabungan antara temu bual, soal selidik dan ujian. Pemilihan temu bual memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka serta mendapatkan informasi yang lebih daripada subjek kajian. Melalui temu bual, interaksi dua hala akan memberi peluang kepada penyelidik dan subjek kajian untuk mengutarakan idea dan membuat interpretasi idea dan perasaan. Kajian lebih mendalam dapat dilaksanakan oleh penyelidik di samping mengawal sesi perbincangan dan percambahan idea (Creswell, 2012; Cohen et al., 2007). Penyelidik dan subjek kajian boleh bertukar-tukar fikiran selain berinteraksi dengan lebih berkesan. Penggunaan soal selidik pula sangat praktikal untuk mengumpul data kerana kos yang murah dan merupakan cara mudah mendapatkan hasil daripada subjek kajian. Pelaporan kajian lebih mudah dianalisis dan menjimatkan masa kerana bersifat kuantitatif. Sementara penggunaan ujian dalam kajian dapat membantu penyelidik mengukur penguasaan dan kemahiran membaca individu berdasarkan skor. Antara ujian yang dijalankan ialah ujian membaca dan menulis.

Selain itu, pemilihan subjek kajian dilihat lebih menyeluruh kerana tidak memfokuskan kepada golongan tertentu sahaja. Ini adalah kerana kajian yang telah dijalankan melibatkan murid sekolah rendah (Iqbal & Komal, 2017), murid sekolah menengah (Haider & Akhter, 2012), guru (Haider & Akhter, 2012), penuntut universiti (Ramonda, 2020; Sofiana & Mubarak, 2020; Rajabpour, 2020; Mikami, 2013), serta golongan dewasa yang mempunyai kemahiran membaca yang rendah seperti kajian yang dijalankan oleh Rodrigo et al. (2014). Kajian terhadap golongan dewasa menunjukkan bahawa faedah bacaan ekstensif lebih berkesan terhadap peserta yang lebih tua kerana kemahiran analitik dan kematangan golongan dewasa dalam menghayati dan memahami bahan bacaan (Renandya & Day, 2020). Pembacaan berterusan dalam kalangan golongan dewasa juga mengurangkan risiko kehilangan ingatan dan mengurangkan kesan demensia (Verghese et al., 2003).

Oleh kerana bacaan ekstensif merupakan kaedah mempelajari bahasa kedua sejak tiga dekad yang lalu (Krashen, 2009), maka kajian di Amerika Syarikat telah menyasarkan warganegara Amerika Syarikat yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Peserta kajian Rodrigo et al. (2014) terdiri daripada 53% orang Afrika Amerika, 29% orang Hispanik, 12% orang Asia dan 6% orang Kaukasia. 54% daripada peserta

kajian menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, 60% mengatakan bahawa kerap menggunakan bahasa Inggeris kerana kebanyakan daripada mereka tiba di Amerika Syarikat lebih 26 tahun sementara 87% pernah mengikuti kelas bahasa. Sasaran kajian yang menyeluruh membuktikan bahawa membaca secara ekstensif adalah fleksibel, sesuai untuk semua peringkat umur dan memberi peluang untuk memantapkan kemahiran bahasa pertama serta penguasaan bahasa kedua (Renandya & Jacobs, 2016).

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, penyelidik telah membuat penilaian tentang kaedah mengajar bacaan ekstensif yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana program bacaan ekstensif boleh dijalankan menggunakan pelbagai kaedah dan strategi. Kepelbagaian kaedah ini merupakan alternatif penyelidik untuk menyesuaikan kajian mengikut keadaan dan keperluan. Kaedah kajian yang dijalankan termasuklah penyelidikan eksperimen oleh Rajabpour (2020), Sofiana dan Mubarak (2020), Sun et al. (2016), Haider dan Akhter (2012), kaedah menetapkan matlamat oleh Mikami (2013), pedagogi atau instruksional yang dijalankan oleh Rodrigo et al. (2014), kaedah perpustakaan oleh Iqbal dan Komal (2017) dan kaedah pengajaran kognitif dan efektif oleh Boakye (2017). Pemilihan kaedah kajian yang berbeza antara satu negara dengan negara yang lain melibatkan beberapa faktor seperti keperluan, kemudahan dan sasaran kajian. Kesemua kaedah kajian dilihat berkesan seperti kaedah interaksional oleh Rodrigo et al. (2014) yang dilihat memberikan kesan yang positif terhadap penutur bukan asli bahasa Inggeris di Amerika Syarikat.

Kebanyakan kajian ini menggunakan kaedah eksperimen iaitu mengimplikasi kemahiran membaca kepada peserta kajian. Selain itu, kaedah pembacaan juga menggunakan bantuan teknologi iaitu pembacaan dalam talian. Gabungan pelbagai strategi membaca dalam kaedah eksperimen sangat berkesan kerana hasil kajian terdahulu menunjukkan pelajar kumpulan eksperimen dalam kajian bacaan ekstensif mengatasi pelajar dari kumpulan kawalan atau kumpulan perbandingan (Renandya & Day, 2020). Krashen (2009), mengatakan bahawa kaedah kajian eksperimental dalam bacaan ekstensif merupakan kaedah yang paling meyakinkan. Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan pencapaian positif kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan dalam kajian bacaan ekstensif (Renandya & Day, 2020). Penglibatan sampel kajian dalam aktiviti eksperimen yang disediakan oleh penyelidik merupakan faktor pendorong kepada peningkatan kejayaan program membaca dan mampu memupuk amalan membaca. Oleh yang demikian, gabungan kaedah tradisional dan bukan tradisional dilihat merupakan alternatif yang dapat membantu pengkaji melaksanakan bacaan ekstensif dengan lebih berkesan.

Seterusnya, objektif kajian yang kedua adalah untuk mengenal pasti kaitan kaedah dan teknik yang paling efektif digunakan dalam memupuk amalan membaca. Berdasarkan kaedah mengajar yang telah dianalisis, didapati penyelidik lebih suka menggunakan kaedah membaca menggunakan bantuan teknologi dan internet. Kajian yang dijalankan oleh Rodrigo et al. (2014) menunjukkan minat pembaca golongan dewasa terhadap bahan daripada internet kerana golongan ini suka membaca majalah, akhbar online dan bahan bacaan santai yang sesuai dengan umur mereka. Sun et al. (2016), Ramonda (2020), Sofiana dan Mubarak (2020) serta Rajabpour (2020) menggunakan teknik berbantuan komputer dalam kajian mereka. Kaedah ini telah diperluas dalam proses pembelajaran mengikut keperluan sistem pendidikan serta menyediakan persekitaran maklumat kerja guru dalam bentuk digital (Gilmanshina et al., 2019). Penggunaan alat sokongan seperti audio dalam pengajaran bacaan menunjukkan faedah pedagogi kerana menyebabkan peningkatan yang tinggi terhadap perbendaharaan kata peserta kajian dalam

pembelajaran bahasa kedua (Webb & Chang, 2015). Kaedah audio dan visual ini sinonim dengan penggunaan pelbagai alat multi media termasuklah penggunaan komputer, telefon mudah alih, serta jaringan internet. Perkembangan semasa sistem pendidikan juga telah mengembangkan kaedah membaca secara atas talian. Kaedah ini juga dianggap memudahkan pembaca mengakses maklumat, berkongsi maklumat dengan pantas serta lebih menarik perhatian. Bahan-bahan yang disediakan adalah terkini dan mudah diakses di hujung jari. Penggunaan teknologi dalam aktiviti membaca juga dilihat sangat berkesan kerana mempunyai kemampuan yang berbeza daripada kertas (Mangen & Weel, 2016). Kenyataan ini disokong oleh Na et al. (2015) yang mengatakan bahawa pembacaan melalui telefon pintar dapat memberikan kepuasan dan keselesaan dari segi fisiologi dan psikologi pembaca. Kesimpulannya, kaedah membaca menggunakan teknologi ini sangat efektif dalam mengembangkan kemahiran membaca seterusnya membentuk amalan. Kaedah kajian ini juga sesuai kerana seiring dengan perkembangan semasa dalam menuju era Revolusi Industri 5.0.

Kaedah mengajar bacaan ekstensif dalam kajian yang telah dianalisis terbukti dapat memupuk minat membaca serta mewujudkan amalan membaca. Semua kajian yang dianalisis mempunyai kesan positif walaupun dilaksanakan dengan kaedah dan strategi yang berlainan. Ini menunjukkan amalan membaca boleh dipupuk dengan menggunakan pelbagai strategi yang sesuai. Renandya dan Day (2020) mengatakan bahawa keadaan emosi dan sikap pelajar boleh membantu peningkatan penguasaan bahasa pelajar dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kaedah mengajar bacaan ekstensif yang pelbagai dan sesuai dengan situasi semasa dapat membantu memupuk amalan membaca. Pelajar juga perlu diberi kebebasan untuk memilih bahan bacaan yang disukai untuk meningkatkan keseronokan membaca (Renandya & Day, 2020). Faktor ini akan membentuk amalan membaca yang mantap.

Hipotesis input Krashen dan Terrell (1998) menyatakan bahawa perbuatan mengulang pembacaan akan menyebabkan pelajar didedahkan dengan perkataan dan ungkapan baharu. Selain itu, pelajar akan lebih memahami dan menambah pengetahuan dan pemahaman terhadap bahan bacaan. Amalan membaca dalam kajian ini juga menyebabkan pembaca memperoleh pelbagai kesan positif dalam pedagogi bahasa termasuklah dari aspek kognitif, pencapaian dalam peperiksaan, memupuk motivasi (Irwin, 1991) memperbaiki hasil penulisan (Krashen, 2017; Mermelstein, 2014; Mason, 2007), perkembangan literasi (Krashen, 2009) dan kelajuan membaca (Grabe & Stoller, 2013; Anindita, 2020), meningkatkan perbendaharaan kata dan tatabahasa (Mason, 2007; Krashen, 2004) akademik melalui buku fiksi (McQuillan, 2019), mempertingkatkan kemahiran berbahasa (Krashen, 2004; Lee et al., 2015) dalam bahasa pertama dan kedua (Ng et al., 2019; Krashen, 1983) serta memupuk kreativiti. Pemupukan amalan membaca ini secara tidak langsung menjawab objektif kajian yang ketiga.

Akhir sekali, kesemua kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Kajian di Asia Tenggara dilaksanakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kajian Rodrigo et al. (2020) di Amerika Syarikat pula dilaksanakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris iaitu bahasa pertama namun terhadap penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Faktor ini menunjukkan penyelidik di negara Asia yang menjalankan kajian tentang kaedah membaca secara ekstensif kerana wujud kesedaran tentang kepentingan untuk mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris (Grabe & Stoller, 2013). Pendekatan pengajaran bacaan ekstensif ini menarik perhatian penyelidik berdasarkan sepuluh prinsip bacaan ekstensif yang dikemukakan oleh Day (2015). Justeru itu, untuk

menjayakan program bacaan ekstensif di Malaysia, kerjasama guru, ibu bapa dan pemerintah (Zuridah, 2017; Wan Zah et al., 2005) perlu dipertingkatkan kerana mampu memupuk amalan membaca (Noraien Mansor, 2017). Ini adalah kerana pelajar akan terpengaruh untuk banyak membaca apabila melihat guru membaca (Krashen, 2002). Oleh yang demikian, langkah menjalankan kajian secara berterusan, terancang dan mengambil kira sasaran perlu dilaksanakan secara menyeluruh untuk memastikan keberkesanan program membaca seterusnya meningkatkan minat dan amalan terhadap budaya membaca.

## 6. Kesimpulan

Fokus utama penyelidikan ini adalah untuk mengimpikasi pengetahuan baharu dalam kajian baharu yang akan dijalankan. Hasil kajian ini juga diharap mampu menambah minat penyelidik untuk memilih kaedah pengajaran bacaan ekstensif yang sesuai dan berkesan bagi memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat. Ini adalah kerana kebaikan membaca secara ekstensif banyak mendatangkan faedah dari segi linguistik dan bukan linguistik terhadap pengamalannya dalam kehidupan seharian. Hasil kajian juga boleh membantu penggubalan dasar atau memberi panduan dan inspirasi kepada penyelidik seterusnya untuk mengembangkan idea mereka. Kajian yang berterusan di Malaysia perlu mengambil kira penggunaan teknologi dalam kegiatan membaca kerana memberikan kesan yang besar untuk membantu pelaksanaan Dasar Galakan Membaca. Matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca pada tahun 2030 melalui program Dekad Membaca Kebangsaan mampu dicapai dengan usaha yang berterusan. Malahan, amalan membaca yang ditanam mampu meningkatkan pencapaian negara dalam Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Usaha yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan program bacaan ekstensif merupakan langkah berterusan dalam untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan masyarakat. Usaha ini wajar diberi penghargaan memandangkan peluasan kegiatan membaca ekstensif banyak mendatangkan faedah kepada individu dan negara.

## Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak melibatkan sumber kewangan.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini. Penyelidikan ini boleh dijadikan panduan untuk dijadikan rujukan kepada penyelidikan seterusnya.

## Rujukan

- Adenan Ayob. (2017). Interaktif Berasaskan Laman Web Terhadap Kefahaman Membaca Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 2017, 1–17.
- Aliyah Baharuddin Marji, Rafik-Galea, S., & Mei Yuit, C. (2015). Evaluating the Effects of Extensive Reading Circles on Esl Learners' Oral Communicative Competence. *Malaysian Journal of Languages and Linguistics (MJLL)*, 4(1), 75.

- <https://doi.org/10.24200/mjll.vol4iss1pp75-92>
- Anindita, C. (2020). *EFL Students' Perception Towards Extensive Reading Practices In Higher Education Level*. 8(4), 89–98.
- Anis Farhana Mohd Kassim. (2019). Motivasi Membaca, Persekitaran Membaca di Rumah dan Sikap Membaca dalam kalangan Pelajar di Universiti Putra Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 92–100.
- Bell, T. (2001). Extensive Reading: Speed and Comprehension. *The Reading Matrix*, 1(1).
- Boakye, N. A. (2017). Extensive reading in a tertiary reading programme: Students' accounts of affective and cognitive benefits. *Reading & Writing*, 8(1), 1–9. <https://doi.org/10.4102/rw.v8i1.153>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Qualitative Research in Psychology Using thematic analysis in psychology Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). Research Methods in Education. In *Research Methods in Education* (6th ed.). Routledge Taylor & Francis Group. <https://doi.org/10.4324/9781315456539>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (Fourth). PEARSON.
- Day, R. (2015). Extending Extensive Reading. *Reading in a Foreign Language*, 27(2), 294–301.
- Dickinson, P., & Nakayama, A. (2013). Exploring the Effects of Extensive Reading on L2 Reading Attitudes and Motivation. *Meijo University, Japan, 2007*, 10–13.
- Gilmanshina, S. I., Gilmanshin, I. R., & Bendjuevich, K. G. (2019). Digital learning technologies in the University education system. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 570(1). <https://doi.org/10.1088/1757-899X/570/1/012027>
- Grabe, W., & Stoller, F. L. (2013). Teaching and Researching Reading. In *Teaching and Researching Reading, Second Edition* (2nd ed.). Routledge Taylor & Francis Group. <https://doi.org/10.4324/9781315833743>
- Hafiz, F. M., & Tudor, I. (1989). Extensive reading and the development of language skills. *ELT Journal*, 43(1), 4–13. <https://doi.org/10.1093/elt/43.1.4>
- Haider, M. Z., & Akhter, E. (2012). Extensive reading in EFL classroom at secondary schools in Bangladesh: Current practices and future possibilities. *International Education Studies*, 5(3), 126–133. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n3p126>
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality and Quantity*, 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Higgins, J. P. T., Altman, D. G., Gøtzsche, P. C., Jüni, P., Moher, D., Oxman, A. D., Savović, J., Schulz, K. F., Weeks, L., & Sterne, J. A. C. (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ (Online)*, 343(7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>
- Hill, D. R. (1992). Guide to Organizing Programs of Extensive Reading. In *EPER Guide to Organising Programmes of Extensive Reading (c) 1992 IALS*. University of Edinburgh.
- Hortiales, E. S., Ramos Nieto, A., Elena, M., & Hurtado, Z. (2017). Educational Innovation: Reading Meaning and Sense. *Universal Journal of Educational Research*, 5(10), 1772–1776. <https://doi.org/10.13189/ujer.2017.051015>
- Iqbal, S. A., & Komal, S. A. (2017). Analyzing the Effectiveness of Vocabulary Knowledge Scale on Learning and Enhancing Vocabulary through Extensive Reading. *English Language Teaching*, 10(9), 36. <https://doi.org/10.5539/elt.v10n9p36>

- Irwin, J. W. (1991). *Teaching Reading Comprehension Processes (2nd ed.)*. Pearson.
- Jeon, E.-Y., & Day, R. (2016). The Effectiveness of ER on Reading Proficiency: A Meta-Analysis. *Reading in a Foreign Language*, 28(2), 246–265.
- Jeon, E.-Y., & Day, R. R. (2015). The effectiveness of core ER principles. *Reading in a Foreign Language*, 27(2).
- Khairul Asyraf, M. N., Mohd Sukki, O., Nik Farhan, M., & Wan Muhammad, W. S. (2019). Penggunaan Perisian ATLAS.Ti 8 dan Maktabah Syamilah dalam Kajian Kualitatif Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 5(January), 56–67.
- Khan, K. S., Kunz, R., Kleijnen, J., & Antes, G. (2003). Five steps to conducting a systematic review. *Journal of the Royal Society of Medicine*, 96(3), 118–121. <https://doi.org/10.1258/jrsm.96.3.118>
- Kitchenham. (2007). *Guidlines for performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering*. University of Durham. <https://doi.org/10.1145/1134285.1134500>
- Krahnke, K. J. (1983). Principles and Practice in Second Language Acquisition. *Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL)*, 17(2), 300–305.
- Krashen, S. D. (2002). Is there a Decline in the Reading Romance? *Knowledge Quest*, 29(3).
- Krashen, S. D. (2004). Free Voluntary reading: New Research, Applications and Controversies. *Jurnal Online Internasional & Nasional*, 53(9)
- Krashen, S. D. (2009). Principles and Practice in Second Language Acquisition. In *TESOL Quarterly* (Internet E). JSTOR.
- Krashen, S. D. (2017). *The Case for Comprehensible Input*. Language Magazine. [www.sdkrashen.com](http://www.sdkrashen.com),
- Krashen, S., & Terrell, T. (1998). *The Natural Approach Language Acquisition in the Classroom*. Prentice Hall Europe.
- Lee, J., Schallert, D. L., & Kim, E. (2015). Effects of extensive reading and translation activities on grammar knowledge and attitudes for EFL adolescents. *System*, 52, 38–50. <https://doi.org/10.1016/j.system.2015.04.016>
- Mangen, A., & Weel, A. (2016). Literacy The evolution of reading in the age of digitisation : an integrative framework for. *Literacy*, 116–124.
- Martín-Martín, A., Orduna-Malea, E., Thelwall, M., & López-Cózar, E. D. (2018). Google scholar, web of science, and scopus: A systematic comparison of citations in 252 subject categories. *ArXiv*, 12(4), 1160–1177.
- Mason, B. (2007). The efficiency of self-selected reading and hearing stories on adult second language acquisition. *Selected Papers from the Sixteenth International Symposium on English Teaching, English Teachers' Association–Republic of China. Taipei: Crane Publishing Company*, 1–5.
- McQuillan, J. (2019). Where Do We Get Our Academic Vocabulary? Comparing the Efficiency of Direct Instruction and Free Voluntary Reading. *Reading Matrix: An International Online Journal*, 19(1), 129–138.
- Mermelstein, A. D. (2014). Improving EFL Learners' Reading Levels through Extensive Reading. *Reading Matrix: An International Online Journal*, 14(2), 227–242.
- Mikami, Y. (2013). Goal Setting and Learners' Motivation for Extensive Reading: Forming a Virtuous Cycle. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
- Na, N., Choi, K., & Suk, H. J. (2015). Adaptive luminance difference between text and background for comfortable reading on a smartphone. *International Journal of Industrial Ergonomics*, 51, 68–72. <https://doi.org/10.1016/j.ergon.2015.09.004>
- Netwong, T. (2018). Promotion Reading Project Based Learning to Enhance Reading Habit and Learning Culture for Inclusion. *International Journal of Social Science and Humanity*, 8(1), 14–19. <https://doi.org/10.18178/ijssh.2018.v8.926>
- Ng, Q. R., Renandya, W. A., & Chong, M. Y. C. (2019). Extensive reading: Theory, research and implementation. *Teflin Journal*, 30(2), 171–186.

- <https://doi.org/10.15639/teflinjournal.v30i2/171-186>
- Noraïen Mansor. (2017). Exploring Perceptions on ESL Student's Reading Habits. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 19–24.
- Okoli, C., & Schabram, K. (2012). A Guide to Conducting a Systematic Literature Review of Information Systems Research. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.1954824>
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, 372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Rajabpour, A. (2020). Students' Perceptions Of M-Reader. *TEFLIN Journal*, 31(2), 277–301.
- Ramonda, K. (2020). Extensive reading and class readers: The case for no choice. *ELT Journal*, 74(3), 277–286. <https://doi.org/10.1093/elt/ccaa017>
- Renandya, W. A., & Day, R. (2020). The primacy of extensive reading and listening: Putting theory into practice. *Willy's ELT Corner*. <https://willyrenandya.com/the-primacy-of-extensive-reading-and-listening/#:~:text=Research shows clearly that students,positive attitudes towards language learning>.
- Renandya, W. A., & Jacobs, G. M. (2016). Extensive Reading and Listening in the L2 Classroom. In *English Language Teaching Today; Linking Theory and Practice* (pp. 97–110). Springer International Publishing AG. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-38834-2\\_8](https://doi.org/10.1007/978-3-319-38834-2_8)
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2010). *Design and Development Research*. Routledge Taylor & Francis Group.
- Rodrigo, V., Greenberg, D., & Segal, D. (2014). Changes in reading habits by low literate adults through extensive reading. *Reading in a Foreign Language*, 26(1), 73–91.
- Rosli, N. A., Razali, N. F., Zamil, Z. U. A., Noor, S. N. F. M., & Baharuddin, M. F. (2018). The Determination of Reading Habits among Students: A Concept. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(12), 791–798. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i12/3710>
- Schmidt, J. (2007). Blogging practices: An analytical framework. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(4), 1409–1427. <https://doi.org/10.1111/j.1083-6101.2007.00379.x>
- Sofiana, N., & Mubarak, H. (2020). The impact of englishgame-based mobile application on students' reading achievement and learning motivation. *International Journal of Instruction*, 13(3), 247–258. <https://doi.org/10.29333/iji.2020.13317a>
- Sun, Z., Yang, X. M., & He, K. K. (2016). An extensive reading strategy to promote online writing for elementary students in the 1:1 digital classroom. *Computer Assisted Language Learning*, 29(2), 398–412. <https://doi.org/10.1080/09588221.2014.974860>
- Tien, C. Y. (2015). A large-scale study on extensive reading program for non- english majors: Factors and attitudes. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 4(4), 46–54. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.4n.4p.46>
- UNESCO. (2019). *International Literacy Day 2019: Revisiting Literacy and multilingualism*.
- Wan Zah Wan Ali, Fatimah Hashim, Ismail Sheikh Ahmad, Tamby Subhan Mohd Meerah, Siti Zaliha Mustapha, Fattawi Mokhtar, & Mohd Sohaimi Hashim. (2005). Kesan Program NILAM Terhadap Tabiat Membaca Menurut Pandangan Murid dan Guru. *Jurnal Pendidikan*, 39–55.
- Webb, S., & Chang, A. C. S. (2015). Second language vocabulary learning through extensive reading with audio support: How do frequency and distribution of occurrence affect

- learning? *Language Teaching Research*, 19(6), 667–686.  
<https://doi.org/10.1177/1362168814559800>
- Yen, T. T. N. (2018). View of The Benefits of Extensive Reading for EFL Vietnamese Learners. *Extensive Reading Foundation*. <http://jalt-publications.org/content/index.php/jer/article/view/70/26>
- Zuridah Hanim Md. Akhir, Mohd. Hasani Dali, & Khaliza Saidin. (2017). Amalan Terbaik Pengetua Cemerlang Dalam Meningkatkan Minat Membaca Pelajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 13–34.